



## KOPERASI LADANG BERHAD

### AKUAN TANGGUNGJAWAB FIDUSIARI ANGGOTA LEMBAGA

Tarikh Pelantikan / Dipilih: \_\_\_\_ / \_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

Tempoh Jawatan: \_\_\_\_\_

Saya, yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa saya telah dipilih/dilantik sebagai Anggota Lembaga ("ALK") Koperasi Ladang Berhad ("KLB"). Saya memahami bahawa jawatan ini adalah suatu amanah yang tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab fidusiari serta peruntukan undang-undang yang berkaitan.

#### **1. Prinsip Umum Amanah (Fiduciary)**

Saya hendaklah pada setiap masa bertindak dengan jujur, berintegriti, dan demi kepentingan terbaik KLB, serta menggunakan kuasa yang diberikan untuk tujuan yang wajar dan sah.

#### **2. Tanggungjawab Mengurus dan Mengawasi Hal Ehwal**

Saya memahami bahawa Lembaga bertanggungjawab untuk mengarah, mengurus dan mengawasi urusan/aktiviti, kumpulan wang dan harta KLB serta memastikan pentadbiran dan pengurusan dijalankan dengan teratur dan sepatutnya.

#### **3. Tugas Berhemat, Bertekun, Berkemahiran dan Rajin (Care, Skill & Diligence)**

Saya hendaklah bertindak dengan tahap kehati-hatian, kemahiran dan ketekunan yang munasabah seperti yang diharapkan daripada seorang anggota Lembaga yang memegang tanggungjawab yang sama, termasuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman tambahan yang saya miliki.

#### **4. Kepatuhan kepada Undang-undang dan Dokumen Tadbir Urus**

Saya akan mematuhi, antara lain:

- a) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan peraturan-peraturan di bawahnya (jika berkaitan);
- b) Undang-undang Kecil, polisi dan ketetapan Mesyuarat Agung/ Lembaga;
- c) Garis panduan, Notis, Perintah dan pekeliling pihak berkuasa berkaitan (contohnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia) yang terpakai;

**5. Konflik Kepentingan dan Pengisytiharan Kepentingan**

Saya akan:

- a) Mengisytiharkan sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam kontrak, pembiayaan, kemudahan kredit, harta atau jawatan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan;
- b) Mengemukakan pengisytiharan tersebut secepat yang munasabah dan mengikut tatacara mesyuarat/polisi yang ditetapkan;
- c) Tidak mengambil bahagian dalam perbincangan atau membuat keputusan yang melibatkan konflik kepentingan saya, melainkan dibenarkan oleh undang-undang/undang-undang kecil yang berkuat kuasa.

**6. Larangan Penyalahgunaan Kuasa, Kedudukan dan Aset**

Saya tidak akan menggunakan kedudukan, kuasa, maklumat atau harta Koperasi untuk faedah peribadi atau pihak lain secara tidak wajar. Saya juga tidak akan menerima faedah, komisen atau ganjaran atau layanan istimewa yang menjejaskan kebebasan pertimbangan saya sebagai anggota Lembaga.

**7. Kerahsiaan dan Keselamatan Maklumat**

Saya akan merahsiakan segala maklumat bukan awam yang saya peroleh semasa memegang jawatan ini, termasuk maklumat kewangan, strategi perniagaan, data anggota/pelanggan, dan maklumat operasi. Kewajipan ini kekal walaupun selepas tamat jawatan, kecuali jika pendedahan diperlukan oleh undang-undang atau dibenarkan secara bertulis oleh Lembaga.

**8. Tanggungjawab Kolektif dan Kehadiran Mesyuarat**

Saya akan menghadiri mesyuarat Lembaga yang dijadualkan, meneliti kertas kerja dengan munasabah, bertanya soalan yang perlu, dan menyumbang kepada proses membuat keputusan secara bertanggungjawab. Saya memahami keputusan Lembaga adalah keputusan kolektif dan saya bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat.

**9. Perwakilan Tugas (Delegation) dan Pemantauan**

Sekiranya Lembaga mewakilkan tugas kepada Pengurusan/Ketua Eksekutif atau pihak lain, saya memahami bahawa perwakilan tersebut tidak mengecualikan saya daripada tanggungjawab untuk memberi arahan, pemantauan, kawalan, penerimaan laporan dan penyeliaan yang sepatutnya.

**10. Rekod, Ketelusan dan Pengurusan Risiko**

Saya akan menyokong amalan tadbir urus yang baik termasuk ketelusan, integriti, kawalan dalaman, pengurusan risiko, dan memastikan minit mesyuarat serta keputusan direkodkan dengan betul.

**11. Akuan Liabiliti dan Kesan Ketidakpatuhan**

Saya memahami bahawa kegagalan mematuhi tanggungjawab ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib, penamatan jawatan, tuntutan sivil/kerugian, dan/atau tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

**12. Pengesahan dan Tandatangan**

Dengan menandatangani dokumen ini, saya mengaku bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi semua tanggungjawab fidusiari dan kewajipan sebagai anggota Lembaga.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_ / \_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

Disaksikan oleh:

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_ / \_\_\_\_ / \_\_\_\_\_